

Kuari didakwa punca hakisan tanah

Penduduk Kampung Nurul Iman terpaksa korek pasir elak banjir masuk dalam rumah

Oleh Nurul Farina Nazlan
nfarina@bharian.com.my

HULU LANGAT: Penduduk di sekitar Jalan Kuari Sungai Long, Kampung Sungai Serai, di sini, dihipit dengan masalah hakisan sungai yang dipercayai berpunca daripada aktiviti pusat kuari di situ, terutama apabila hujan lebat. Tinjauan *Sentral* mendapati terdapat tiga pusat kuari utama yang diusahakan, malah laluan masuk ke jalan berkenaan juga rosak teruk akibat aktiviti keluar masuk lori.

Seorang penduduk Kampung Nurul Iman, Ayob Hasbullah, 50, berkata beliau dan penduduk kampung terpaksa mengorek pasir dari dalam sungai bagi mengelak air naik tinggi dan melimpah ke kawasan rumah mereka, terutama selepas hujan lebat.

Ayob berkata, kawasan itu juga pernah berlaku banjir kerana hakisan yang dipercayai berpunca daripada aktiviti pusat kuari berkenaan, selain tanah bukit yang dikorek untuk dibawa keluar bagi membina sekolah agama yang menambahkan lagi masalah hakisan.

“Sebelum ini, kami memang ada buat perjanjian dengan pengurusan lama pusat kuari itu, yang mana mereka akan membantu mengorek

tanah sungai jika semakin tinggi bagi mengelak air melimpah ke kawasan kampung.

“Namun, ia tidak dilakukan lagi dan kami sendiri yang perlu mengorek pasir sejak pusat itu bertukar pengurusan baru.

“Saya berharap Majlis Perbandaran Kajang (MPKJ) memantau keadaan ini untuk kesejahteraan dan keselamatan penduduk kampung. Kami tidak menyalahkan pusat kuari itu, cuma meminta mereka menguruskan pusat itu dengan lebih sistematik bagi mengelakkan hakisan di kawasan ini terutama sungai,” katanya.



Saya berharap Majlis Perbandaran Kajang (MPKJ) memantau keadaan ini untuk kesejahteraan dan keselamatan penduduk kampung. Kami tidak menyalahkan pusat kuari itu, cuma meminta mereka menguruskan pusat itu dengan lebih sistematik



Ayob Hasbullah
Penduduk Kampung Nurul Iman



AYOB meninjau anak sungai yang tercemar akibat hakisan tanah oleh syarikat kuari di Hulu Langat.

Seorang lagi penduduk yang enggan dikenali menyifatkan hakisan itu akan menjadi semakin teruk jika pihak yang bertanggungjawab tidak mengambil langkah segera untuk mengekang masalah berkenaan daripada terus melanda

kawasan itu, terutama apabila hujan lebat.

“Hakisan di sini terutama kawasan sungai memang teruk, kami sendiri yang berusaha untuk mengekang masalah itu dengan mengorek pasir bagi mengelakkan

air naik tinggi.

“Pihak yang terbabit harus peka dengan masalah yang berlaku, selain membetulkan jalan masuk yang rosak terus disebabkan lori dari pusat kuari berkenaan,” katanya.